

PUSAT TIADA NIAT JAHAT – PM

Sanggup buat apa saja untuk bantu rakyat Kelantan

Oleh
**Wan Ahmad Hassan
dan Zaini Hassan**

PASIR MAS 30 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini bahawa Kerajaan Pusat tidak mempunyai niat jahat terhadap Kelantan selain dari memikirkan untuk membangunkan negeri ini.

Katanya, itulah sebabnya Kerajaan Pusat sanggup melaksanakan apa saja yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dengan membelanjakan wang serta membantu rakyat di negeri ini.

Sehubungan itu Perdana Menteri meminta golongan-golongan tertentu supaya jangan menjadikan isu bantuan Kerajaan Pusat itu sebagai isu politik.

"Apa yang Kerajaan Pusat lakukan ialah membantu secara ikhlas, tiada sesiapa yang boleh membuat tafsiran yang lain daripada keikhlasan tersebut," ujarnya ketika berucap di majlis perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor di sini hari ini.

Menteri Besar Kelantan, Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat hadir sama di upacara itu di samping Menteri Belia dan Sukan Senator Haji Annuar Musa, para pemimpin kerajaan dan lain-lain.

Lebih 15,000 orang dari kawasan berhampiran membanjiri Kampung Aur Duri untuk menyaksi-

kan upacara pembukaan jambatan tersebut dan mendengar ucapan Perdana Menteri.

Terdahulu itu, ketibaan Dato' Sri Dr. Mahathir telah disambut oleh Senator Haji Annuar Musa dan Menteri Besar, Haji Nik Aziz dengan penuh istiadat.

Dalam ucapannya Dato' Sri Dr. Mahathir juga menggesa pihak-pihak tertentu supaya mengasingkan soal pembangunan dari politik untuk kesejahteraan rakyat.

Sambil berseloroh beliau berkata, kedua-dua perkara itu perlu diasingkan kerana jika tidak akan ada di antara orang yang akan berenang menyeberangi sungai ini tanpa jambatan (Jambatan Pasir Mas-Salor).

Negara maju

Dalam pada itu, beliau berkata, kerajaan membuat perancangan selama 30 tahun untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara maju selaras dengan wawasan 2020.

"Kita perlu tentukan perkara ini berjaya kerana kita tidak mahu ketinggalan dan terus dihina oleh negara-negara lain. Apa yang berlaku sekarang dunia asyik memandang hina dengan negara Islam," katanya.

Perdana Menteri seterusnya menegaskan, kerajaan tidak mahu berlakunya jurang pemisahan antara rakyat yang kaya dan miskin kerana khuatir boleh mewujudkan suasana yang tidak aman di negara ini.

Katanya, tugas kerajaan sekarang ialah untuk menentukan supaya yang kaya membantu yang

LIHAT MUKA 2

PUSAT TIADA NIAT JAHAT — PM

miskin terutamanya melalui pengeluaran zakat dan cukai.

"Terdapat di negara-negara Islam lain, di mana wujudnya pembahagian ketara antara penduduk kaya dan miskin. Keadaan tersebut adalah tidak stabil dan satu hari mungkin pemberontakan akan tercetus," tambahnya.

Perdana Menteri berpendapat, pendirian kerajaan itu tidaklah bercanggah dengan ajaran Islam, kerana jika dibiarkan perkara tersebut berterusan, maka jurang pemisah ini akan terus wujud.

Jelas beliau, kerajaan sentiasa menentukan agihan pembangunan di negara ini dibuat secara adil supaya yang miskin dan tinggal terpencil juga merasai nikmat kemerdekaan negara ini.

"Mungkin rakyat Kelantan sendiri tidak mampu membina jambatan ini sendiri kerana miskin, tetapi dengan wang dari rakyat-rakyat kaya di negeri-negeri lain, ia dapat dilaksanakan," kata beliau.

Dalam pada itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kemajuan tidak akan tercapai sekiranya rakyat hanya menyerahkan kepada takdir dari Tuhan semata-mata tanpa berikhtiar untuk mendapatkannya.

"Kalau kita terus meminta dari Tuhan supaya nasib kita diperbaiki, maka mustahil ianya akan terjadi, kerana Tuhan memberikan kita akal fikiran dan tenaga supaya berusaha tanpa melupakannya.

"Apakah kita akan berkata, sudah takdir Tuhan apabila sebatang pokok kelapa tidak cukup panjang untuk menyambung kedua buah tebing sebatang sungai," katanya.

Tegas Perdana Menteri, adalah tidak menyalahi hukum Allah jika kita berikhtiar membuat sesuatu dengan menggunakan pemikiran seperti membina jambatan moden untuk tujuan mendekatkan tali persaudaraan yang dipisahkan oleh dua tebing sungai tersebut.